

ASPEK PENGUKURAN MINAT DAN AMALAN PENGAJARAN DALAM PENDIDIKAN ISLAM KONTEMPORARI: SATU KONSEPTUALISASI

*Aspects of Measuring Interest and Teaching Practices
in Contemporary Islamic Education: A Conceptualization*

Amirul Ridzuan Mohd Shafie¹ and Muhammad Zulazizi Mohd Naw²

¹Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

²Sekolah Kebangsaan Kunak, Malaysia

*Corresponding Author: zulazizi0902@gmail.com

Received: 29 Feb. 2025 **Revised:** 15 Apr. 2025; **Accepted:** 01 June 2025; **Published:** 25 June 2025

To cite this article (APA): Mohd Shafie, A. R., & Mohd Naw, M. Z. (2025). Aspek pengukuran minat dan amalan pengajaran dalam Pendidikan Islam Kontemporari: Satu konseptualisasi. Firdaus Journal, 5(1), 35-44. <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol5.1.4.2025>

Abstrak

Minat dan amalan pengajaran dalam bilik darjah memainkan peranan penting bagi memastikan dimensi pendidikan hari ini berkualiti. Minat merupakan sumber kecenderungan yang wujud seiring dengan sifat ingin tahu tanpa paksaan. Sementara amalan pengajaran adalah suatu gerak kerja atau proses pengkaedahan melalui penyampaian mata pelajaran daripada seorang guru secara dua hala dengan pelajarnya. Maka, pelajar haruslah berusaha untuk memupuk minat dan guru pula perlu menambahbaik amalan pengajaran agar proses pembelajaran dapat menggapai matlamat yang dikehendaki. Kertas kajian ini bertujuan untuk membincangkan parameter minat dan pelaksanaan amalan pengajaran guru dalam era kontemporari di sekolah menengah kebangsaan. Minat dan amalan pengajaran juga sering dipandang serius oleh pihak-pihak berkepentingan selain menjadi penanda aras bagaimana seseorang guru itu berkhidmat melalui kaca mata pelajar. Secara keseluruhannya, kertas konsep ini diharapkan dapat membantu pihak guru dan pelajar mengenal pasti kelemahan masing-masing serta mampu membangunkan sebuah pelan pengajaran yang benar-benar interaktif sehingga mampu mengalihkan minat pelajar kepada mata pelajaran pendidikan Islam sebagai tunjang pembinaan sahsiah remaja. Pendekatan konseptualisasi melalui analisis dokumen digunakan bagi menghubungkan minat dengan amalan pengajaran. Implikasi dan cadangan untuk kajian masa depan mengenai hubungan minat dengan amalan pengajaran akan dijelaskan nanti.

Kata kunci: Minat Pelajar, Amalan Pengajaran Guru, Pendidikan Islam

Abstract

Interest and teaching practices in the classroom play an important role in ensuring the quality of education today. Interest is the source of a tendency that manifests in conjunction with free curiosity. While teaching practice is a work movement or process of the methodology through the delivery of subjects from a teacher in two ways with his students. Therefore, students

should strive to cultivate interest and teachers should improve teaching practices so that the learning process can achieve the desired goals. This research paper aims to discuss the parameters of interest and the implementation of teacher teaching practices in the contemporary era in national secondary schools. Interest and teaching practices are also often taken seriously by stakeholders as well as being a benchmark of how a teacher serves through the view of students. Overall, this concept paper is expected to help teachers and students identify their weaknesses and be able to develop a truly interactive teaching plan to be able to divert students' interest to the subject of Islamic Education as a pillar of adolescent personality Conceptualization approach through document analysis used to connect interest with teaching practice. Implications and suggestions for future studies on the relationship of interest with teaching practices will be explained later

Keywords: *Student Interest, Teacher Teaching Practices, Islamic Education*

PENDAHULUAN

Mohamed et al. (2014) mengungkapkan minat adalah suatu terma yang menjelaskan kepelbagaian sikap dan reaksi manusia, seperti faktor seseorang individu itu lebih komited dengan pekerjaannya berbanding individu lain. Justeru, minat merupakan penentu arah efisiennya sesuatu perkara atau pekerjaan. Aspek minat juga amat hampir dengan nilai pendidikan. Minat menjadi salah satu aspek utama dalam pembangunan dan kemenjadian akademik pelajar di sekolah (Abd Rahiman et al., 2017; Mohd Sabri et al., 2014). Menurut Mohd Aini et al. (2013), minat adalah pendorong individu bagi melakukan sesuatu kerja buat dengan penuh ikhlas, istiqamah dan mengelakkan kebosanan. Minat juga menurut mereka menjadikan seseorang melakukan sesuatu dengan penuh bersemangat dan mengelakkan sikap sambil lewa dalam perbuatan. Menurut Ramli (2006) pula, minat adalah suatu bentuk pendorong yang akan menjadikan jiwa seseorang aktif untuk menerima lebih unsur luar tentang perkara yang mereka minati.

Definisi lain daripada Abdullah (2003), yang menukilkan pandangan Crow & Crow (1983), Poerbakawatja et al. (1981), dan Strong (1964), mengatakan minat adalah melebihi perhatian kepada sesuatu perkara, keseronokan melakukannya, serta ketabahan jiwa dalam menghadapi dan mendapatkan sesuatu yang berkaitan dengan perkara yang diminati tersebut. Justeru, dapat pengkaji fahami bahawa minat adalah suatu elemen penggerak, dalam diri seseorang untuk melakukan sesuatu perkara dengan daya kesungguhan yang sebenar-benarnya. Perhatian seseorang individu akan menjadi lebih daripada yang biasa, mempunyai nilai keseronokan melakukannya, proaktif mencari unsur atau pengaruh luar tentang perkara tersebut, dan sanggup mengorbankan apa sahaja untuk menghadapi kesukaran demi mendapatkan sesuatu perkara yang mereka sukai. Dengan minat juga, seseorang menjadi sangat ikhlas, tidak bosan melakukan perkara yang diminatinya, serta konsisten terhadap minat tersebut, dan membuatkan mereka lebih termotivasi dan aktif untuk mendapatkan sesuatu yang berkaitan dengannya.

Zulkarnain et al. (2011) berpandangan, aspek minat ini pada lazimnya sangat berkait rapat dengan sikap seseorang pelajar dalam bilik darjah. Apabila seseorang pelajar meminati sesuatu mata pelajaran dalam bilik darjah, maka ia akan menunjukkan sikap yang lebih positif dan proaktif terhadap mata pelajaran tersebut, tidak kiralah semasa pembelajaran sedang berlaku, ataupun di luar bilik darjah. Namun, bukanlah menjadi suatu kemestian bahawa, minat dan sikap harus selari. Terdapat juga pelajar yang hanya meminati sesuatu mata pelajaran, tetapi tidak berusaha secara giat mencapai yang terbaik dalam mata pelajaran tersebut. Hal ini kerana, terdapat banyak faktor luar yang boleh mengganggu-gugat minat dan perhatian seseorang terhadap sesuatu perkara.

Indikator Minat

Dalam minat, antara teori yang relevan digunapakai adalah Teori Pengukuran Minat yang telah digariskan secara khusus oleh Slameto (2010). Slameto (2010) berpandangan, minat seseorang pelajar dalam mengambil sesuatu mata pelajaran mampu dilihat menggunakan empat indikator; keterbukaan, ketertarikan, perhatian, dan penglibatan yang ditunjukkan oleh pelajar dalam bilik darjah. Huraianya adalah seperti berikut:

Keterbukaan untuk Belajar

Pelajar menunjukkan rasa senang atau selesa untuk belajar. Pelajar juga akan menunjukkan reaksi wajah yang ceria, bersikap terbuka dengan para guru sesuatu mata pelajaran, tidak kelihatan terpaksa diraut wajahnya, dan tidak bosan ketika proses pengajaran dan pembelajaran sedang berlangsung.

Ketertarikan untuk Belajar

Pelajar juga mestilah menunjukkan daya ketertarikan dalam bilik darjah. Indikator ini berkaitan dengan dorongan pelajar terhadap ketertarikan pelajar terhadap sesuatu perkara dalam pembelajaran, atau pelajar tersebut bersikap memilih terhadap sesuatu mata pelajaran sahaja. Contohnya, pelajar bersikap ingin tahu lebih dalam sesebuah topik, membaca bahan tambahan selain buku teks yang diberikan, mempunyai idea yang banyak ketika membincangkan sesuatu isu, dan sebagainya.

Perhatian ketika Belajar

Perhatian yang diberikan oleh pelajar ketika proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Slameto (2010) lagi, minat dan perhatian merupakan perkara yang boleh dianggap sama atau berkaitan dalam kehidupan seharian pelajar. Dengan kata lain, jika pelajar berminat maka ia akan memberikan sepenuh perhatian, dan begitulah sebaliknya. Perhatian menurutnya, kemampuan pelajar mengamati dan usaha memahami, dengan mengenyepkan perkara lain yang boleh mengganggu konsentrasi. Contohnya, mendengar dengan tekun terhadap penjelasan guru, dan mencatat nota penting ketika pembelajaran sedang berlangsung.

Penglibatan Pelajar Ketika Pengajaran Dan Pembelajaran

Guru-guru boleh mengukur dan memerhatikan tahap penglibatan pelajar dengan melihat tindakan pelajar yang bergiat aktif dalam bilik darjah, suka bertanya, aktif untuk menjawab persoalan guru, dan proaktif dalam menjalankan tugas atau latihan yang diberikan.

PENDEKATAN AMALAN PENGAJARAN KONTEMPORARI

Mohd Yunus et al. (2011) mengatakan terdapat beberapa pendekatan amalan pengajaran dan pembelajaran yang sangat lazim digunakan oleh sistem pendidikan di negara Malaysia, di sekolah-sekolah rendah dan menengah. Pendekatan-pendekatan tersebut melibatkan Pengajaran Berpusatkan Guru (PBG) dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (PBP). Pendekatan-pendekatannya adalah seperti berikut:

PBG: Pengajaran Langsung

Menurut Slavin (1997), pengajaran langsung ialah pendekatan yang berorientasikan matlamat atau objektif yang direncanakan oleh guru sesuatu mata pelajaran itu sendiri. Pendekatan pengajaran langsung adalah amalan yang paling efektif dan efisien dalam

banyak hal, termasuk penyampaian maklumat, konsep, dan kemahiran. Amalan pengajaran seperti ini amat sesuai diaplikasikan sekiranya pelajar perlu menguasai maklumat dan kemahiran tertentu. Namun, jika pelajar perlu melakukan aktiviti penyiasaan atau mencari penemuan, maka pengajaran langsung adalah kurang sesuai untuk diaplikasikan.

Garis panduan pengajaran langsung menurut Slavin (1997) adalah seperti berikut:

1. Guru akan memaklumkan objektif pembelajaran dan orientasikan pelajar ke arah pembelajaran, dengan memberitahu apa yang akan mereka pelajari pada hari berkenaan, dan nyatakan hasil pembelajaran yang perlu dikuasai, serta timbulkan minat mereka dengan menyatakan faedah pembelajaran tersebut.
2. Guru meninjau prasyarat yang diperlukan untuk memahami tajuk yang akan diajarkan pada hari berkenaan. Guru mestilah membuat ulang kaji terlebih dahulu, sekiranya konsep dan kemahiran asas prasyarat tersebut belum dikuasai lagi oleh pelajar.
3. Guru membentangkan bahan pengajaran baharu, dimana guru membentangkan teori dan maklumat, memberikan contoh, membuat demonstrasi, dan sebagainya.
4. Guru melaksana sesi penyoalan kepada pelajar, dengan menyoal maklum balas berkaitan tahap kefahaman pelajar, kemudian membetulkan kesalahfahaman mereka tentang teori yang dipelajari.
5. Guru memberi peluang kepada pelajar mempraktikkan kemahiran dan konsep yang dipelajari, sambil membantu pelajar sekiranya mereka menghadapi masalah.
6. Guru meninjau kefahaman pelajar ketika mempraktik kemahiran yang baru diperoleh dengan memberikan latihan atau kuiz. Guru memberi maklum balas dan jawapan yang tepat, serta mengajarkan semula konsep atau kemahiran sekiranya perlu.
7. Guru memberikan peluang kepada pelajar mempraktikkan konsep dan kemahiran yang dipelajari dalam bilik darjah dengan memberi latihan pengukuhan untuk dilaksanakan di rumah.

PBG: Pengajaran Masteri

Menurut Bloom (1974), pengajaran masteri merupakan suatu pendekatan pengajaran berasaskan andaian bahawa pelajar akan mampu menguasai objektif pembelajaran yang digariskan, sekiranya mereka diajarkan dengan jelas dalam masa tertentu yang mencukupi. Pendekatan ini telah lama digunakan pada zaman Comenius, Pestalozzi, dan Herbert, dengan ciri-ciri pendekatan yang bersesuaian pada zaman tersebut. Walau bagaimanapun, pendekatan terkini telah diperbaharui dan mengikut acuan daripada kajian dan penulisan Bloom.

Menurut Mohd Yunus et al. (2011), pendekatan pengajaran masteri merupakan pengajaran berpusatkan pelajar dan berlaku secara kumpulan. Walau bagaimanapun, terdapat juga kaedah pembelajaran secara individu, yang menggunakan pendekatan pengajaran masteri ini. Di Malaysia, pendekatan ini lazim diamalkan dalam bilik darjah dan menjadi pengajaran berpusatkan guru. Hal ini kerana, guru yang menjadi pembimbing dan pemandu untuk pelajar menguasai sesuatu topik menerusi pendekatan pengajaran masteri ini.

Bagi mengaplikasikan pendekatan pengajaran masteri ini, guru perlu memecahkan unit pembelajaran kepada beberapa unit-unit atau tajuk-tajuk kecil. Setiap unit-unit kecil ni pula perlu merangkumkan beberapa objektif khusus bagi membina kefahaman pelajar. Amalan pengajaran gaya ini dipanggil sebagai masteri kerana, pelajar perlu mencapai skor 80% dan ke atas dalam sesuatu topik pembelajaran, lantas menandakan bahawa pelajar telahpun menguasai objektif pembelajaran dengan baik (Mahani Razali et al, 2011).

Guru perlu memberitahu pelajar mengenai objektif pembelajaran yang perlu mereka kuasai, dan kriteria tertentu untuk mencapai objektif tersebut. Pelajar yang tidak mencapai tahap minimum dalam ujian, perlu mengulangi semula pembelajaran tajuk tersebut, dan menduduki ujian sekali lagi hingga jaya bagi membolehkan mereka berpindah ke tajuk berikutnya. Hal ini bertujuan bagi mengukuhkan kefahaman terhadap sesuatu topik pembelajaran.

Amalan pengajaran masteri ini juga membolehkan guru mengesan pelajar mereka yang belum menguasai tajuk pembelajaran yang mereka ajarkan. Oleh itu, peranan guru dalam amalan pengajaran masteri ini ialah menyediakan bimbingan dan tunjuk ajar kepada pelajar yang belum menguasai sesuatu tajuk pembelajaran dalam bilik darjah. Sekiranya berlaku kekangan masa bimbingan kerana pelajar yang terlalu ramai, maka guru boleh mengaturkan supaya pelajar tersebut mendapat bantuan daripada rakan sebaya mereka, melalui aplikasi pembelajaran koperatif. Selepas pembelajaran dan bimbingan selesai, guru perlu mengukur kefahaman mereka dengan memberikan ujian berkenaan topik yang mereka pelajari. Pelajar yang telah mencapai tahap yang sepatutnya, boleh diberikan pengayaan tambahan melalui aktiviti berkomputer, projek kajian, atau penyelesaian masalah secara kreatif dan kritis (Mohd Yunus et al, 2011).

PBP: Pembelajaran Koperatif

Mahani Razali et al. (2011), menukilkan pandangan Vygotsky (1978) yang mengatakan bahawa koperatif sebagai bekerja bersama-sama bagi mencapai matlamat bersama. Oleh itu, pembelajaran koperatif menurut Mahani Razali et al. (2011) ialah pengaplikasian atau pembahagian kumpulan-kumpulan kecil dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, supaya pelajar dapat bekerja bersama-sama bagi memaksimumkan pembelajaran sendiri dengan rakan-rakan yang lain.

Untuk menggunakan amalan pembelajaran koperatif ini, pelajar perlu memenuhi dua tanggungjawab utama; mempelajari bahan yang diberikan oleh guru, dan memastikan ahli-ahli kumpulan juga mempelajari bahan yang sama (Ramli Jantan et al, 2011).

Oleh yang demikian, dapat pengkaji fahami bahawa untuk memenuhi objektif pembelajaran dengan menggunakan pembelajaran koperatif, seseorang pelajar itu perlulah berusaha mencapai faedah pembelajaran untuk dirinya, dan juga ahli kumpulannya. Matlamat pembelajaran secara koperatif hanya akan tercapai sekiranya ahli-ahli kumpulan belajar bersama. Mereka perlu berbincang dan saling membantu antara satu sama lain, untuk memahami topik perbincangan dalam bilik darjah, serta saling menggalakkan antara satu sama lain untuk bekerja dalam kumpulan secara bersungguh-sungguh.

Menurut Slavin (1997), pembelajaran koperatif perlu berlaku dalam kumpulan bersifat heterogenus atau saling melengkapi. Dengan kata lain, ahli kumpulan perlulah diwakili oleh pelajar-pelajar yang tidak sama kebolehan, minat, bangsa, mahupun agama. Pembelajaran koperatif lazimnya perlu berlaku dalam kumpulan yang mempunyai ahli yang cerdas dan lambat, supaya berlaku sesi permentoran.

Dalam perbincangan kumpulan tersebut, pelajar yang cerdas dikehendaki membantu pelajar lambat dengan bersungguh-sungguh, kerana markah yang bakal diperoleh daripada pengajaran tersebut adalah mengikut kumpulan. Sekiranya ahli tidak mampu bekerjasama mempelajari topik secara berkesan, kumpulan tersebut akan mendapat markah yang rendah berbanding kumpulan yang lain. Keadaan ini akan mewujudkan semangat kerjasama untuk menyaingi kumpulan lain.

Unsur-unsur penting yang perlu ada untuk mengaplikasikan amalan pembelajaran koperatif menurut Woolfolk (1998), adalah seperti di bawah:

1. Interaksi bersemuka (*face-to-face interaction*).
2. Kebergantungan antara ahli kumpulan secara positif.
3. Bertanggungjawab kepada pembelajaran sendiri.
4. Kemahiran kolaboratif yang berkesan.
5. Memastikan setiap ahli memahami proses yang berlaku dalam kumpulan, dan mempelajari topik secara bersama.


PBP: Pembelajaran Berasaskan Masalah

Menurut Barrows & Tamblyn (1980), pembelajaran berasaskan masalah adalah sebuah amalan pengajaran dan pembelajaran, yang memerlukan pelajar mengalami dan merasai sendiri teori pembelajaran dalam dunia nyata. Matlamat pembelajaran berasaskan masalah ini adalah bagi mencabar para pelajar dengan isu atau masalah sebagai suatu bentuk latihan praktikal kepada teori yang dipelajari dalam bilik darjah, bagi menghadapi permasalahan di dunia luar dan masa hadapan, umumnya.

Lambri & Mahamod (2015) pula menyebutkan, pembelajaran berasaskan masalah adalah pembelajaran yang menggunakan sesuatu isu yang direka sebagai punca, untuk menerbitkan sebuah sesi pengajaran dan pembelajaran, yang menyokong teori pembelajaran aktif dimana, pelajar akan membina kefahaman mereka sendiri melalui permasalahan rekaan tersebut. Mereka akan berdikari untuk mencari solusi kepada masalah itu melalui idea mereka yang tersendiri ataupun idea dalam kumpulan. Pembelajaran berasaskan masalah juga adalah suatu jenis stimulasi kepada pembelajaran, dengan mencipta sebuah situasi atau permasalahan melalui teori dasar yang dipelajari dalam bilik darjah, untuk diselesaikan oleh pelajar.

Haji Nor & Dahlan (2000), serta Wan Zah Wan Ali (2011) berpendapat, pembelajaran berasaskan masalah memerlukan pelajar menguasai dua kemahiran yang berkaitan antara satu sama lain; kemahiran menyelesaikan masalah, dan kemahiran membuat keputusan. Kemahiran menyelesaikan masalah ialah, kemampuan pelajar menyelesaikan sesuatu situasi, yang menjadi kekangan untuk mencapai matlamat (Wan Zah Wan Ali, 2011). Manakala kemahiran membuat keputusan pula ialah, kemahiran membuat pilihan antara dua atau lebih alternatif yang saling bercanggahan mengikut keadaan, sehingga menyukarkan pelajar untuk membuat keputusan (Halpern, 1984).

Perkaitan dua kemahiran ini boleh difahami melalui rajah dibawah, yang diubahsuai daripada teori kemahiran menyelesaikan masalah dan membuat keputusan Wan Zah Wan Ali (2011).




Rajah 1 Carta alir pembelajaran berasaskan masalah menurut teori kemahiran menyelesaikan masalah dan membuat keputusan Wan Zah Wan Ali (2011).

Berdasarkan carta alir di atas, pengkaji dapat fahami bahawa secara umumnya pembelajaran berasaskan masalah perlu mempunyai isu atau masalah daripada teori pembelajaran, cabaran daripada permasalahan tersebut, dan matlamat akhir yang perlu dicapai daripada intisari teori. Namun, untuk sampai kepada matlamat akhir, pelajar akan diuji dengan kemahiran membuat keputusan. Pelajar perlu memikirkan beberapa pilihan yang menjadi kemungkinan penyelesaian masalah. Kemudian, pelajar perlu menimbang tara sebab dan akibat yang bakal terjadi sekiranya memilih salah satu daripada pilihan untuk mencapai matlamat. Pelajar perlu melihat pilihan mana yang mempunyai sebab dan akibat yang paling penting. Akhir sekali, pelajar akan membuat keputusan dan seterusnya mencapai matlamat akhir daripada intisari pembelajaran.

CADANGAN KERANGKA KONSEP MINAT DAN AMALAN PENGAJARAN

Dalam kertas konsep ini, pengkaji telah memperkenalkan sembilan konstruk yang melibatkan minat dan amalan pengajaran serta menjelaskan setiap fungsi konstruk-konstruk tersebut. Konstruk-konstruk ini wujud hasil dapatan daripada kajian-kajian lepas berasaskan daripada pemikiran atau sudut pandang tokoh-tokoh pendidikan. Konstruk ini memberikan fokus terhadap minat pelajar dan amalan pengajaran guru pendidikan Islam yang paling relevan dan sesuai dengan konteks masyarakat di Malaysia.

Kerangka konsep kajian ini dihasilkan agar dapat membentuk satu konsep minat berdasarkan pandangan Slameto (2010) dan juga kajian amalan pengajaran dari Mohd Yunus et al. (2011) seperti dalam Rajah 2.



Rajah 2 Kerangka Konsep Kerangka Konsep Minat dan Amalan Pengajaran (Idea Pengkaji)

IMPLIKASI

Pengukuran minat dan amalan pengajaran di sekolah amat kurang terperinci dalam pengertian, teori, prinsip dan taksonomi. Kebanyakan pelajar masih kurang menelusuri isu minat sebagai faktor signifikan bagi menjadikan mata pelajaran pendidikan Islam sebagai perkara yang menyeronokkan, mudah dihayati dan berkesan. Begitu juga dengan amalan pengajaran guru pendidikan Islam yang sepatutnya bertransformasi dengan keadaan zaman sekarang bagi menggalakkan pelajar untuk lebih berdikari dan mengesan kehendak pelajar dalam bilik darjah. Menurut Lambri & Mahamod. (2015), walaupun pelajar telah melangkah ke institut pengajian tinggi, mereka masih lagi mengharapkan bahan pengajaran dan penerangan daripada guru.

Terdapat banyak kajian-kajian yang memandangkan minat dan amalan pengajaran pendidikan Islam sebagai punca dan isu penting bagi membentuk akhlak, integriti, sahsiah dan minda pelajar daripada masalah sosial seperti dadah, rogol, zina, kes jenayah dan sebagainya agar lebih memberi impak yang berterusan dalam sanubari pelajar berbanding kaedah kekerasan dan ancaman daripada pihak berkuasa.

Penambahbaikan dalam pengukuran minat dan amalan pengajaran pendidikan Islam perlu diteliti dengan sebaiknya, supaya suatu langkah dapat diambil bagi meningkatkan prestasi pelajar sekali gus mengurangkan gejala tidak sihat yang sedang berleluasa dalam masyarakat. Perkara yang ada dalam pembolehubah ini perlu dikaji dengan terperinci agar dapat dikonseptualisasikan sebagai pembenterasan yang menarik dari pelbagai perspektif (guru, pelajar, masyarakat, ibu bapa dan lain-lain) selain dapat menjimatkan kos-kos lain yang digunakan bagi menangani masalah gejala sosial. Minat juga dapat memberikan pengetahuan kepada pelajar mengenai keadaan sebenar atau tahap pembangunan generasi mereka pada hari ini. Maka sudah pasti, mereka perlu memikirkan suatu mekanisme terbaik bagi memperbaiki diri dan generasi mereka.

Justeru, berpandukan kajian-kajian terdahulu berkaitan minat dan amalan pengajaran guru ini amat perlu dan hendaklah diteruskan pengkajian bagi menelusuri banyak lagi aspek-aspek lain yang boleh dilihat daripada minat dan amalan pengajaran pendidikan Islam seperti pencapaian mata pelajaran pendidikan Islam, bidang kerjaya berkaitan, kaedah yang berterusan bagi memulihara dan memelihara sifat keperibadian yang dimiliki oleh seseorang individu Islam, dan banyak lagi.

KESIMPULAN

Diharapkan kajian minat dan amalan pengajaran guru pendidikan Islam ini dapat memberikan pengertian serta teori yang tepat dalam membentuk persekitaran pembelajaran yang baik. Kajian ini dibangunkan berdasarkan teori-teori kajian lepas dan juga pemerhatian dari cendekiawan barat agar dapat diimplementasikan di sekolah menengah di Malaysia khusus pelajar dan guru yang berlatarbelakangkan agama Islam.

Konseptualisasi minat dan amalan pengajaran yang tepat diperlukan bagi membangunkan aspek kebolehpercayaan konstruk untuk digunakan dalam kerangka konseptual ini. Diharapkan dengan wujudnya kajian statistik secara empirikal ini dapat memberi panduan konsep minat dan amalan pengajaran yang jelas dalam melahirkan seorang pelajar yang standard ditetapkan oleh KPM pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Abdullah, Y. (2003). Persepsi, Minat dan Penghayatan Terhadap Mata Pelajaran Pendidikan Islam di Kalangan Pelajar-Pelajar Tingkatan Lima di S.M.K Mudzaffar Shah, Simpang Empat Semanggol, Perak Darul Ridzuan. Projek Penyelidikan Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Abd Rahiman, F., & Abdul Shukor, A. S. (2017). Hubungan Minat dan Sikap Terhadap Pencapaian Pelajar dalam Kursus DPA3043 - Auditing. National Innovation and Invention Competition Through Exhibition 2017.
- Bloom, B. S. (1974). Time and learning. *The American Psychologist*, 29, 682–688.
- Barrows, H. S., & Tamblyn, R. M. (1980). *Problem-Based Learning: An Approach to Medical Education*. New York: Springer Publishing Company.
- Crow & Crow (1983). *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*. Terjemahan Habibah Elias. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haji Nor, S., & Dahlan. (2000). *Kemahiran Berfikir*. Kuala Lumpur: Longman.
- Halpern, Noemi. (1984). Artificial Intelligence and the Education of the Learning Disabled. *Journal of Learning Disabilities*. 17(2): 118-122.

- Lambri, A., & Mahamod, Z. (2015). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Berpusatkan Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi: Pelaksanaan dan Penerimaan Pelajar. *Jurnal Personalia Pelajar*. 18(1): 1-9.
- Mohd Aini, M., Che Noh, M. A., & Tamuri, A. H. (2013). Mengenal Punca Kemerosotan Minat Pelajar Terhadap Pembelajaran dan Pengajaran Pendidikan Islam. 3rd ICIED2013 di EPF Institute, Kajang, Selangor
- Mohamed, N. S. N., Nawawi, N. F., Safar, A@J., & Jasmi, K. A. (2014). *Kesedaran Motivasi Pelajar Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Seminar Antarabangsa Education, Law, Civilisation, Science and Technology, dalam Konsep dan Aplikasi, Fakulti Tamadun Islam, UTM Johor
- Mohd Sabri, S., Che Ishak, S., & Suhid, A. (2014). Kajian Minat dan Motivasi Murid Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam. Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan.
- Mohd Yunus, K. R., Razali, M., & Jantan, R. (2011). *HBEF Psikologi Pendidikan*. Selangor: Open University Malaysia
- Poerbakawatja, R. S., & Harahap, H. A. H. (1981). *Ensiklopedia pendidikan*. Jakarta: Gunung Agung.
- Ramli, S. H. (2006). Faktor-Faktor Mempengaruhi Pencapaian Pelajar dalam Mata Pelajaran Tasawur Islam di Daerah Hulu Langat, Selangor. Projek Penyelidikan Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Slameto. (2010). *Belajar dan Faktor-faktor yang Mempengaruhinya*. Edisi Revisi. Jakarta: Rineka Cipta.
- Slavin, R.E. (1997). *Educational Psychology, Theory and Practice*. Boston: Allyn and Bacon.
- Strong, E.K., Jr. (1964). *Vocational Interest of Men and Women*. Palo Alto: Stanford University Press.
- Vygotsky, L.H. (1978). *Mind in Society*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Woolfolk, A.E. (1998). *Educational Psychology*. Boston: Allyn & Bacon.
- Zulkarnain, Z., Saim, M., & Roslina Abd Talib R. (2011). Hubungan Antara Minat, Sikap dengan Pencapaian Pelajar dalam Kursus CC301 - Quantity Measurement. *Jurnal Prosiding Seminar Pendidikan 2012*,. 1-16.